

Tahi tikus ditemui bersepah dalam kilang mi, roti di Pulau Pinang

5 kilang makanan jijik diarah tutup

KOSMO 11/9/14 MS 3.


Oleh SYALMIZI HAMID
syalmizi.hamid@kosmo.com.my

GEORGE TOWN – Jabatan Kesihatan Pulau Pinang mengarahkan lima buah kilang makanan di negeri ini ditutup mulai semalam kerana gagal mematuhi peraturan kesihatan.

Timbalan Pengarah Kesihatan negeri (Bahagian Kualiti Makanan), Ku Nafisah Ku Ariffin berkata, kesalahan berkenaan dikesan selepas pihaknya mengadakan Ops Bersih serentak di seluruh negeri kelmarin terhadap 16 kilang memproses makanan.

“Kesemua kilang yang diarahkan tutup dikesan sangat kotor termasuk di lantai, dapur, mesin memproses dan tempat membungkus. Ada juga premis yang menyimpan bahan mentah bersebelahan tandas.

“Kita turut mengesankan ada tikus berkeli-



TEMPAT memasak mi kuning di Pulau Pinang yang menjijikkan.



KEADAAN lantai sebuah kilang memproses bawang di Pulau Pinang yang kotor.



TAHI tikus ditemui melekat pada guni gandum di sebuah kilang di Pulau Pinang.



KU NAFISAH

ran selain terdapat najis tikus di atas guni gandum di salah sebuah premis yang diserbui,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Antara kilang yang diarahkan tutup termasuk-

kilang mi kuning di Kepala Batas serta kilang keropok ubi, kilang roti dan kilang bawang goreng di Bukit Mertajam.

Katanya, pihaknya turut mengeluarkan tiga notis selain kompaun RM5,000 dalam operasi yang disertai 51 anggota itu.

Tambah Ku Nafisah, operasi berkenaan ditumpu-

kan kepada premis kilang berbanding restoran, gerai atau penjaja kerana proses penyediaan produk berkenaan dilakukan di tempat tertutup.

“Kalau kita tengok pembungkus atau produk yang sudah siap dibungkus di pasar raya nampak cantik, tetapi apabila kita buat pemeriksaan di kilang-kilang,

ia sangat menjijikkan.

“Sebab itulah pemeriksaan dan operasi kita bertumpu kepada kilang memproses makanan kerana kita mahu pengilang mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.

“Kita juga tidak mahu pelanggan tertipu dengan plastik pembungkus maka-

nan yang cantik dan kemas sedangkan proses penyelesaiannya tidak seperti yang diharapkan,” katanya.

Beliau berkata, orang ramai boleh menghubungi talian **04-201 7277** atau **04-2017278** jika mempunyai aduan berkenaan premis makanan kotor atau produk makanan rosak di negeri ini.

Kencing tikus boleh mengundang maut

KUALA LUMPUR - Bakteria leptospirosis yang berpunca daripada air kencing tikus boleh memudaratkan kesihatan manusia dan membawa maut.

Bakteria daripada kencing tikus menjangkiti manusia melalui luka, air dan makanan. Ia dapat mengundang maut jika tidak dirawat segera.

Gejala awal dijangkiti virus tersebut termasuk demam dengan suhu tinggi, menggigil, sakit kepala, letih, lemah, muntah, mata merah, sakit sendi dan otot.

Ketua Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan Majlis Profesor Negara, Prof. Datuk Dr. Mohd. Amin Jalaludin berkata, antara tempat kencing tikus sering ditemui ialah

pada tin minuman dan dalam takungan air.

“Bakteria ini amat berbahaya sehingga menyebabkan kematian, jadi sebelum perkara ini berlaku, eloklah semua pengusaha premis memastikan kawasan kilang mereka bersih dan bebas daripada penyakit,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta

mengulas lanjut mengenai kejadian lima kilang makanan di Pulau Pinang diarahkan tutup selepas gagal mematuhi peraturan kesihatan semalam.

“Semua kilang makanan di negara ini wajib ditutup serta-merta jika premis mereka kotor dan tidak mengikut piawaian Kementerian Kesihatan,” katanya.